

TARIKH	21 / 05 / 2014	SEKSYEN	GLOBAL
MUKA SURAT	58	RUANGAN	

## Saudi bina pusat rawatan Mers

JEDDAH - Arab Saudi merancang untuk menjadikan Kompleks Perubatan Raja Abdullah, di sini sebagai pusat khusus untuk merawat pesakit virus Sindrom Pernafasan Timur Tengah (Mers).

Hamad Al-Dhewalia dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif kompleks itu yang akan turut menempatkan pusat pengajian dan rawatan virus itu.

Sementara itu, penyelidik Universiti Maryland dengan kerjasama syarikat farmaseutikal Novavax di Amerika Syarikat (AS) mendakwa mereka telah mencipta vaksin yang mampu merawat Mers.

Bagaimanapun, Ketua Pegawai Eksekutif Novavax, Stanley C Erck memaklumkan mereka masih memerlukan dana untuk melakukan kajian terhadap keberkesanan vaksin tersebut selain menawarkan kerjasama rapat bersama pihak berkuasa kesihatan di negara terjejas akibat virus korona terbabit.

Dalam perkembangan lain, angka kematian akibat Mers di Saudi kini dilaporkan meningkat kepada 173 orang selepas lima kematian terbaharu diumumkan Kementerian Kesihatan negara terbabit.  
- Arab News